Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| AKHBAR | : | BERITA HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 24/7/2019 | MUKA SURAT | : | 10 |
| JABATAN | : | SPAN | | | |
| KLASIFIKASI | : | **PERHATIAN** | | | |

# Tingkat kawalan aset air elak khianat

**Gangguan** bekalan air akibat pencemaran diesel di Sungai Selangor dianggap mimpi ngeri bagi lebih 1.6 juta pengguna terjejas. Namun, lebih mengejutkan apabila punca pencemaran yang menjejaskan lebih 1,000 kawasan sekitar Selangor dan Kuala Lumpur itu didakwa disebabkan angkara khianat dan sabotaj.

Satu dakwaan cukup serius, hinggakan laporan polis dibuat Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menggesa siasatan dilakukan terhadap kemungkinan wujud perbuatan sabotaj terhadap sumber bekalan air terbabit. Ini kerana, perbuatan sabotaj terhadap aset air bukan perkara kecil, sebaliknya perlu dilihat dalam konteks keselamatan nasional.

Kita percaya perbuatan khianat terhadap sumber air perlu dipandang serius. Lihat sahaja kes menimpa Sungai Selangor itu, berapa besar impaknya dan berapa ramai yang terjejas. Cuma kita sedikit bernasib baik dalam kes ini kerana pencemaran sekurang-kurangnya hanya membabitkan diesel. Bayangkan jika bahan beracun seperti sisa kimia yang ditumpahkan ke sungai berkenaan, berapa ramai penduduk akan menerima kesan termasuk mungkin turut membabitkan korban.

Berbalik kepada soal khianat, kita percaya aspek kawalan keselamatan ke atas sumber serta aset air perlu dipertingkatkan. Kes yang menimpa Sungai Selangor ini harus dipandang serius agar ia tidak lagi berulang. Kebimbangan kita bukan sekadar pada gangguan bekalan, tetapi lebih besar risaukan niat jahat pihak tertentu untuk khianat dan menganiaya.